

Perkembangan Awal Gerakan Sosio Politik Melayu di Terengganu: Tinjauan daripada Aspek Persejarahan

Early Development of the Malay Socio-Political Movement in Terengganu: A Review of the Historical Aspect

Ilyas Abdullah¹, Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah²

¹Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

²MPU Unit, Manipal International University, Nilai Campus

Progres Artikel

Diterima: 14 Februari 2019

Disemak: 2 Mei 2019

Diterbit: 31 Mei 2019

*Perhubungan Penulis:

Ilyas Abdullah

Fakulti Sains Sosial Dan

Kemanusiaan, Universiti

Kebangsaan Malaysia, Bangi,

Malaysia

Emel:

ilyasabdullah084@gmail.com

Abstrak: Tulisan ini cuba menyoroti latar belakang sosio politik di Terengganu sejak awal penubuhannya hingga sebelum merdeka. Beberapa dinamika unik yang ada dalam latar belakang Terengganu dianggap menarik untuk ditelusuri dalam proses gerakan sosio politiknya. Salah satunya kerana Terengganu adalah negeri yang paling awal menerima kedatangan Islam di Tanah Melayu. Ini dibuktikan melalui prasasti atau Batu Bersurat yang telah ditemukan. Ikatan Islam, masyarakat dan budaya masyarakat Melayu Terengganu telah menjadi asas yang kuat dalam gerakan sosio politiknya. Keunikan ini akan digambarkan dalam penulisan ini.

Kata kunci: UMNO, PAS, Politik Melayu.

Abstract: *This article attempts to highlight the socio-political background in Terengganu since the beginning of its establishment until independence. Some of the dynamics that exist in Terengganu's background are considered interesting to be searched in the process of socio-political movement. One is because Terengganu is the earliest state to receive Islam in Malaya. This is evidenced by the inscription stone that has been found. The Islamic bond, society and culture of the Terengganu Malay community have become solid foundation in its socio-political movement. This uniqueness will be described in this writing.*

Keywords: *UMNO, PAS, Malay Politics.*

Pengenalan

Terengganu merupakan negeri terakhir di Tanah Melayu yang menerima kehadiran Penasihat British. Penggubalan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu pada 24 November 1911 mendapat sokongan padu daripada ulama tempatan. Segala urusan pentadbiran kerajaan banyak dipengaruhi oleh nilai keislaman. Sultan turut mendapat nasihat daripada ulama untuk terus mempertahankan dan menjaga negeri dengan baik dan tidak diserahkan kepada kuasa Eropah. Hal ini menjadikan pengaruh British berkembang sedikit lewat khususnya dalam urusan pentadbiran berbanding negeri-negeri lain (Nik Haslinda, 2014: 48). Terengganu dikatakan bertahan daripada menerima Penasihat British sejak 1910 hingga Mei 1919. Kenyataan tersebut

dibuktikan apabila lima sahaja wakil British berjaya ditempatkan di Terengganu. Wakil-wakil tersebut tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas pentadbiran negeri Terengganu. Oleh hal yang demikian, pentadbiran kerajaan Terengganu ditekan dengan pelbagai laporan negatif daripada wakil-wakil British berkaitan ketidakcekapan pentadbiran Kerajaan Terengganu. Atas tekanan tersebut British berjaya menempatkan Penasihatnya di Terengganu pada 24 Mei 1919. Walaupun begitu, menurut pandangan Abdullah Zakaria (1991: 79-80), British didakwa menghadapi banyak kesulitan untuk menyebarkan pengaruhnya di Terengganu. Langkah British untuk mempengaruhi Terengganu supaya menerima perjanjian pada tahun 1902 di antara British dengan Siam untuk meletakkan Terengganu di bawah naungan Siam ternyata ditolak oleh

Terengganu. Ini dibuktikan dengan kenyataan yang diutarakan oleh Ngah Muhammad iaitu setiausaha Sultan Zainal Abidin III yang memerintah dari tahun 1881 sehingga 1918 dengan menyatakan bahawa:

“...sesungguhnya telah nyata Inggeris [British] sangat mencari-cari jalan akan memasuki dan mencampuri akan kita [Terengganu] supaya dapatlah padanya barang yang ada di dalam tangan kita” (Abdullah Zakaria, 1991: 79).

Daripada gambaran tersebut jelaslah bahawa usaha untuk mengambil alih Terengganu daripada naungan Siam tidak berjalan dengan lancar. Ini kerana keengganan Sultan Zainal Abidin III untuk mengiktiraf ketuanan Siam. Paksaan ke atas Terengganu untuk diserahkan kepada kuasa British tidak dapat dilakukan memandangkan tiada wakil Siam ditempatkan di Terengganu. Atas perkiraan itu Terengganu telah mengambil peluang daripada kelemahan tersebut untuk menolak daripada menandatangani perjanjian dengan pihak British. Pihak British turut meragui ketuanan Siam ke atas Terengganu dan menganggap ketuanan Siam itu sesuatu yang kabur (Izziah, 2011: 226). British hanya berjaya menempatkan seorang ejen British bertaraf konsular bernama W.L. Conlay di Terengganu (Abu Bakar & Basri, 2013: 95-104). Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh Sultan Terengganu untuk menolak sebarang pengaruh dan campur tangan British bagaimanapun usaha tersebut menemui kegagalan bilamana Sultan Zainal Abidin III dan para pembesarnya tidak lagi mampu menolak kehadiran pengaruh British. Hal ini dapat dibuktikan melalui catatan Haji Muhammad seperti:

“...Amatlah sukar kita [Terengganu] hendak bertolak dia [British] kerana konsol [Ejen/Wakil British] itu ialah dikatakan tali persahabatan dan damai di antara satu negeri sama lainnya dan dialah mengalir kebajikan di antara kedua-dua maka jikalau kita [Terengganu] tolakkan dia [British] jadilah kita memutuskan tali persahabatan dan menolakan kebajikan daripadanya” (Abdullah Zakaria, 1996: 10).

Daripada catatan tersebut dapatlah diterangkan bahawa kerajaan Terengganu menyedari bahawa pihak British dan Siam akan mengambil pelbagai langkah untuk mencampuri urusan pentadbiran negeri Terengganu. Kerajaan Terengganu turut menjadikan peristiwa pengeboman Kuala Terengganu oleh kapal

perang British di zaman pemerintahan Sultan Omar sebagai alasan untuk menerima seorang ejen British. Bagi mendesak Kerajaan Terengganu menerima ejennya, British turut mempamerkan kehebatan kapal perang mereka dalam lawatan wakil British ke Terengganu. Walaupun terpaksa menerima kehadiran seorang ejen British, Sultan Zainal Abidin III tetap tegas mempertahankan kemerdekaan Terengganu sehingga memaksa Sir John Anderson untuk bersetuju dengan draf perjanjian yang dirangka semula oleh baginda (Muhammad Yusoff, 1991: 850),

Tambah Muhammad Yusoff lagi, perjanjian itu telah memperakukan bahawa negeri Terengganu merupakan negeri Melayu Islamiyah yang menjalankan kuasa pemerintahannya sendiri. Sultan Terengganu didakwa enggan menyerahkan kemerdekaan Terengganu kepada pihak British. Justeru itu, Terengganu menjadi negeri Melayu tunggal yang masih belum dikuasai sepenuhnya oleh British. Menurut beberapa catatan pihak British telah menghadapi kesukaran apabila terpaksa berhadapan dengan seorang pemerintah yang berwibawa seperti Sultan Zainal Abidin III. Justeru, bagi mencapai maksud tersebut rombongan W.L. Conlay dan wakil daripada kerajaan Siam telah mengadakan pertemuan dengan Sultan Zainal Abidin III pada bulan Julai 1909 di Istana Maziah. Hasil perbincangan tersebut menyaksikan Sultan Zainal Abidin III telah menolak langkah kerajaan Siam untuk menyerahkan Terengganu kepada British. Sultan Zainal Abidin III bersama pembesar negeri turut menolak untuk memberikan kerjasama kepada Hugh Clifford untuk memburu pejuang-pejuang dari Pahang semasa lawatannya ke Terengganu.

Bagaimanapun menurut Nik Haslinda (2014: 41-43), pergolakan politik di negeri-negeri Melayu khususnya di Pahang yang memperlihatkan campur tangan British sedikit sebanyak menggusarkan kerajaan Terengganu dalam mempertahankan kedaulatan negerinya. Dengan itu, Sultan Zainal Abidin III atas nasihat daripada pembesar-pembesar negeri telah merangka satu undang-undang bagi memantapkan sistem pemerintahan dan kedaulatan kerajaan. Satu undang-undang yang dikenali sebagai *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk* telah dilaksanakan.

“...Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selamlamanya kerajaan Terengganu ini kerajaan Islamiyah “Melayuiah” ialah dikatakan agama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain menjadi atau disebut agama negeri” (Nik Haslinda, 2014: 44).

Berdasarkan intipati perlembagaan yang digubal pada tahun 1911 oleh Kerajaan Terengganu ini adalah jelas bertujuan untuk melindungi negeri Terengganu daripada pengaruh dan penguasaan kuasa asing. Perlembagaan ini merupakan sebuah undang-undang bertulis yang tertinggi yang menjelaskan secara khas kuasa bagi penubuhan dua badan tertinggi di Terengganu iaitu Jemaah Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri. Perlembagaan bertulis Terengganu merupakan sebuah sistem pemerintahan raja berperlembagaan yang berlandaskan Islam.

Sistem Perundangan dan Kedaulatan Politik Melayu Terengganu

Kesukaran British untuk meluaskan pengaruh dan kuasanya di Terengganu adalah berpunca daripada kebijaksanaan Sultan untuk tidak mengiktiraf ketuanan Siam dan enggan menerima sebarang ketetapan yang terkandung dalam Perjanjian Bangkok pada tahun 1909. Atas kebijaksanaan pemerintahan Kerajaan Terengganu, British hanya berjaya meletakkan seorang ejen British yang mempunyai kuasa yang sangat terhad (Izziah, 2011: 225-230). Memandangkan sistem pemerintahan dan kedaulatan kerajaan mula digugat, Sultan Zainal Abidin III menggubal satu Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu bagi menghadapi tekanan daripada British. Undang-Undang tersebut bertujuan melindungi Terengganu daripada penguasaan pihak luar. Menurut undang-undang ini, sultan juga adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan hukum syarak. Sultan yang memerintah haruslah menepati sifat-sifatnya sebagai sultan dan tidak boleh mempunyai sifat keji yang menyalahi hukum agama. Berdasarkan peruntukan undang-undang ini, ia menetapkan bahawa setiap keputusan negeri hendaklah dilakukan secara kolektif melibatkan sultan dengan para pembesar-pembesar negeri.

Hal ini turut disedari oleh ejen British di Terengganu. Ejen-ejen British yang bertugas di Terengganu mendakwa bahawa Sultan Zainal Abidin III banyak dipengaruhi oleh pembesarnya dalam membuat sebarang keputusan. Baginda didakwa sukar untuk memutuskan sebarang keputusan secara bersendirian. Baginda dikatakan tidak akan memberikan pendapatnya apabila berseorangan dengan ejen British tanpa kehadiran pembesar-pembesar negeri. Berdasarkan pernyataan tersebut jelaslah bahawa baginda merupakan seorang sultan yang mempraktikkan amalam syura dalam membuat sebarang keputusan berkaitan dengan pemerintahan negeri Terengganu (Izziah, 2011). Nik Haslinda (2014: 43-54) menyatakan bahawa undang-undang *Itqan al-Muluk* yang digubal pada 2 November 1911 turut menggariskan beberapa tatacara dalam perlantikan pemerintah negeri dengan menetapkan bahawa sumber rujukan mestilah berpandukan kepada al-Quran. Undang-

Undang Tubuh Negeri Terengganu ini digubal atas dua tujuan utama iaitu memelihara kedaulatan agama Islam serta menjamin kesejahteraan bagi negeri Terengganu. Melalui undang-undang Sultan Terengganu bertanggungjawab dalam mengekalkan status Melayuiyah dan Islamiyah negeri tersebut daripada pencerobohan kuasa luar khususnya British. Penggubalan undang-undang ini adalah selaras dengan situasi politik semasa ketika itu yang memperlihatkan kemaraan kuasa British untuk mencampuri urusan pemerintahan di negeri-negeri Melayu. Terengganu turut tidak terkecuali terdedah kepada ancaman ekoran kerelaan kuasa Belanda dan Siam yang memberikan kuasa monopoli kepada British untuk menjajah Tanah Melayu. Penggubalan undang-undang tersebut menjadi benteng kepada kedaulatan politik Terengganu daripada sebarang campur tangan kuasa asing. Dalam Fasal ke-14 *Itqanul Muluk* menyatakan bahawa:

“...Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya atau sebahagian daripada kuasa kerajaan atau hukumnya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lain-lainnya. Maka jikalau raja cuba lalui larangan dan tegahan itu, nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan amanah yang diletakkan atasnya, serta tiada sah perbuatan yang demikian itu” (Nik Haslinda, 2014: 45).

Intipati daripada Fasal ke-14 undang-undang tersebut menyatakan bahawa sultan dan pembesar negeri turut menggalakkan untuk menjalinkan persahabatan dengan negara lain khususnya kuasa British. Namun begitu kerajaan digesa supaya berpegang teguh dengan perjanjian yang dimeterai antara Terengganu dan British untuk menerima ejen British. Akan tetapi sultan atau menteri dilarang sama sekali untuk menjalinkan sebarang bentuk perjanjian dengan kuasa Eropah atau Barat atau mana-mana kuasa untuk menyerahkan negeri kepada kuasa tersebut. (Nik Haslinda, 2014: 48-50). Penggubalan undang-undang ini membuktikan kukuhnya pengaruh Islam dan ulama dalam pentadbiran Kerajaan Terengganu. Kesan daripada Perjanjian Bangkok pada Mac 1909 meletakkan Terengganu di bawah penguasaan British. Perubahan ini menyaksikan Sir John Anderson yang merupakan Gabenor baru bagi Negeri-Negeri Selat datang ke Terengganu mengadakan perjanjian bagi menempatkan pegawai British. Pada tahun 1910 seorang ejen British bernama W.L. Conley di tempatkan di

Terengganu setelah Sultan Zainal Abidin III menandatangani perjanjian dengan kerajaan British. Bagaimanapun perjanjian ini turut mengiktiraf Terengganu sebagai *a self-governing Malay-Muhammadan State* sepertimana yang tercatat dalam perjanjian tersebut seperti:

“...bahawa inilah surat perjanjian yang ditetapkan di dalam beberapa perkara yang berkenaan di antara Kerajaan yang Maha Besar Benua Inggeris dan Kerajaan Negeri Terengganu yang Islamiyah al-Melayuiah yang berkerajaan sendiri”
(Nik Haslinda, 2014: 49).

Selepas kemangkatan Sultan Zainal Abidin III. Pemerintahan kerajaan negeri Terengganu telah diambil alih oleh putera sulung baginda iaitu Sultan Muhammad. Pemerintahan Sultan Muhammad gagal untuk menyekat campur tangan British dalam pentadbiran Terengganu. Baginda telah menandatangani perjanjian dengan pihak British pada tahun 1919. Perjanjian itu telah mengesahkan bahawa Terengganu bersedia untuk menerima seorang Penasihat British dan nasihatnya akan diminta untuk urusan pentadbiran kerajaan negeri kecuali dalam hal yang melibatkan urusan agama Islam (Nik Anuar, 2001: 25-42). Perjanjian ini telah menjadikan negeri Terengganu sebagai negeri Melayu terakhir yang menerima Penasihat British. Meskipun pemerintahan Sultan Muhammad menerima Penasihat British, namun terdapat banyak perselisihan yang timbul antara baginda dengan Sir Arthur Young berhubung pendapatan baginda dan juga bidang tugas Penasihat British. Pertelingkahan juga timbul berhubung cadangan Penasihat British untuk menyandang jawatan Pesuruhjaya Tanah dan Galian. Pengakhiran kepada pertelingkahan itu menyaksikan Sultan Muhammad bertindak turun dari takhta kerajaan negeri Terengganu dengan menggunakan alasan uzur. Jemaah Mesyuarat Kerajaan Negeri kemudian telah memutuskan untuk melantik Tengku Sulaiman sebagai pemerintah baru bagi kerajaan negeri Terengganu. Di bawah pentadbiran British pelbagai peraturan baru diperkenalkan dan dikuatkuasakan khususnya yang berkaitan dengan pentadbiran tanah.

Implementasi Undang-Undang British di Terengganu

Kehadiran Penasihat British di Terengganu menjadikan monopoli kuasa politik di Terengganu mengalami transformasi daripada penguasaan Melayu kepada kuasa British. Transformasi politik di Terengganu ditunjukkan dengan pengenalan pelbagai pelaksanaan undang-undang tanah dan hutan. Bagi mengekang

sebarang tindakan penentangan, istilah penderhakaan mula digunakan pihak British yang dipinjam daripada sistem politik feodal Melayu. Pengenalan dasar British di Terengganu tetap menerbitkan penentangan secara terbuka daripada masyarakat Melayu bermula pada tahun 1928. Hal tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Melayu bijak mentafsir istilah penderhakaan yang digunakan oleh British adalah berbeza dengan istilah yang digunakan oleh sultan dalam sistem politik feodal Melayu.

Abu Bakar (1986: 148) menjelaskan pengenalan pelbagai undang-undang khususnya yang berkaitan dengan urusan tanah telah melahirkan banyak kegusaran terutamanya di kalangan penduduk Terengganu yang tinggal di pedalaman. Antara undang-undang baru yang diperkenalkan ialah kawalan terhadap rakyat daripada menebang hutan dan membuka tanah. Setiap penduduk yang ingin membuka tanah mestilah mendapatkan permit terlebih dahulu daripada Pejabat Tanah dengan bayaran 50 sen setahun. Larangan juga dikuatkuasakan dengan tidak membenarkan penduduk membuka tanah dan mengeluarkan hasil hutan tanpa terlebih dahulu mengambil pas daripada British. Penduduk yang melanggar peraturan pentadbiran tanah akan dikenakan tindakan saman, denda dan juga hukuman penjara. Tindakan dan peraturan baru yang diperkenalkan oleh British itu ternyata berlawanan dengan hukum syarak. Menurut hukum syarak, tanah adalah hak Allah bukannya milik negeri atau kerajaan secara mutlak. Kerajaan juga tidak berhak untuk mengenakan sebarang cukai ke atas tanah. Tanah dalam Islam terbahagi kepada lima jenis iaitu tanah Nubah, Mamluk Khas, Mamluk Am, Baitulmal dan Bumi Mawas. Tanah Nubah merupakan tanah yang dibuka, dibersihkan dan dikerjakan untuk tujuan mendapatkan hasil secara halal. Tanah Nubah kemudian bertukar menjadi Mamluk Khas iaitu menjadi milik orang yang mengusahakannya dan diwarisi secara generasi ke generasi. Sekiranya tanah tersebut tidak lagi diwarisi maka tanah tersebut bertukar menjadi Mamluk Amdan boleh diserahkan kepada baitulmal. Tanah tersebut boleh menjadi Bumi Mawas iaitu dimiliki oleh kerajaan apabila tanah tersebut tidak lagi dimiliki atau diwarisi oleh sesiapa. Hal berkenaan menjelaskan bahawa kerajaan tidak berhak menguasai tanah dengan mengenakan cukai yang menindas rakyat. Cukai yang dikenakan mestilah menurut sistem zakat Timah Hamzah, (1981: 73-74).

Tambahan pula undang-undang tersebut dilihat sangat membebaskan penduduk yang selama ini bebas membuka tanah untuk didiami serta digunakan untuk tujuan menjalankan kegiatan pertanian dan mengeluarkan hasil hutan tanpa perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak kerajaan (Jomo, 1988). Rasa ketidakpuasan hati ini disemarakkan lagi dengan gerakan penentangan yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong. Tokoh

ulama ini menyatakan bahawa peraturan baru tersebut adalah peraturan kafir. Menurut Abu Bakar & Basri (2013: 98), selain memperkenalkan undang-undang tanah, British juga menubuhkan sebuah mahkamah awam bagi menggantikan fungsi mahkamah syariah. Mahkamah awam yang ditubuhkan oleh British mempunyai bidang kuasa yang luas meliputi jenayah dan sivil. Fungsi mahkamah syariah di Terengganu telah digantikan dengan mahkamah kadi. Mahkamah tersebut hanya meliputi bidang kuasa yang bersangkutan dengan kekeluargaan Islam dan adat Melayu sahaja. Kesalahan yang dibicarakan di mahkamah awam akan dikenakan hukuman berdasarkan undang-undang British dan atas nama sultan. Perkara tersebut bagi mengelakkan arahan berkenaan daripada diingkari. Sekiranya arahan tersebut diingkari, ia akan dianggap melakukan satu penderhakaan kepada kerajaan. Hal ini jelas bertentangan dengan undang-undang Islam yang telah dilaksanakan di Terengganu sebelum British memperkenalkan dan melaksanakan undang-undangnya. Walau bagaimanapun sultan terpaksa akur dengan pengenalan undang-undang tersebut meskipun British mengeneppikan sebahagian besar syariat Islam. Tindakan sultan dan juga pembesar negeri yang tunduk kepada undang-undang British adalah disebabkan oleh perjanjian yang telah dibuat melalui kerjasama dengan pihak British bagi menjamin kedudukan dan kepentingan diri masing-masing. Keadaan ini menyebabkan rakyat Terengganu bangkit menentang.

Menurut Roff (1974: 93), rakyat Terengganu tidak lagi menaruh harapan dan pergantungan kepada sultan dan pembesar negeri berikutan kerjasama yang diberikan oleh sultan dan pembesar negeri kepada pihak British. Rakyat Terengganu melihat pelaksanaan undang-undang dan peraturan tersebut telah mengeneppikan sebahagian besar syariat Islam. Mereka juga mendakwa sultan dan pembesar negeri sebagai *orang neraka* kerana sanggup diperalatkan oleh pihak British. Dengan itu, rakyat Terengganu telah mengambil keputusan untuk melancarkan penentangan yang dianggap sebagai jihad *fi sabilillah* yang menjadi kewajipan sepertimana yang dituntut dalam Islam. Bagi rakyat Terengganu, British merupakan musuh yang wajib ditentang. Perjuangan rakyat Terengganu mendapat sokongan daripada golongan ulama dan juga Sarekat Islam. Sarekat Islam merupakan sebuah pertubuhan politik yang telah ditubuhkan di Beserah, Pahang yang dipimpin oleh Haji Abdul Rahman Limbong dan dianggotai oleh orang-orang Pahang dan Terengganu bagi menentang penjajah yang menjajah negara Islam.

Gerakan Penentangan Pentadbiran British di Terengganu

Abdul Qayyum & Mohd Roslan (2011: 11-17) mendakwa dalam gerakan penentangan di Terengganu pada tahun 1922, 1925 dan 1928, peranan agama dilihat begitu menonjol. Pada tahun 1922, sekumpulan penduduk telah membersihkan tanah dan mengambil hasil hutan tanpa terlebih dahulu mendapatkan surat kebenaran. Tindakan ini telah menyebabkan penduduk didakwa di mahkamah. Peristiwa yang hampir serupa berulang pada tahun 1925 apabila penduduk di pedalaman telah berkumpul di Telemong untuk membersihkan tanah tanpa menghiraukan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Gerakan penentangan di Terengganu telah dipelopori oleh Haji Abdul Rahman Limbong. Beliau telah menerangkan kepada penduduk bahawa tanah adalah hak Allah. Atas alasan itu kerajaan tidak seharusnya mengenakan sebarang bentuk cukai terhadap rakyat untuk membuka tanah. Perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong juga dianggap sebagai perjuangan untuk membela kebajikan masyarakat desa. Masyarakat Melayu Terengganu pada ketika itu sangat bersemangat dengan perjuangan menentang British disebabkan oleh faktor agama, jihad dan cukai.

Pada tahun 1925 sekumpulan penduduk telah bertindak membersihkan tanah yang dipercayai milik Tengku Nik yang merupakan saudara kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah di Telemong. Surat kerahan untuk membersihkan tanah berkenaan telah ditulis oleh Haji Abdul Rahman Limbong. Tindakan ini membuatkan rakyat lebih yakin dan berani untuk melawan perintah daripada kerajaan. Dikatakan tindakan penduduk di Telemong membersihkan tanah Tengku Nik bukan suatu tindakan memberontak kerana tiada berlaku sebarang pertempuran yang berlaku di antara penduduk dengan pihak kerajaan. Namun tindakan penduduk tersebut hanyalah berlawanan dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan kolonial British kerana gagal mendapatkan pas daripada kerajaan. Menurut Timah Hamzah (1981: 120-125), perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong adalah berpaksikan kepada menegakkan kesucian agama serta menolak sebarang pengaruh barat yang boleh menjejaskan dan memusnahkan keimanan umat Islam keseluruhannya. Beliau juga turut menggunakan semangat *Pan Islamisme* dalam perjuangannya. Semangat *Pan Islamisme* ini telah menambahkan keyakinan masyarakat Melayu di Terengganu untuk menentang penjajahan British. Rakyat Terengganu turut berpandangan bahawa perjuangan mereka adalah perjuangan jihad umat Islam dan bukan hanya perjuangan menentang British. Kemunculan Haji Abdul Rahman Limbong dikatakan tepat pada masanya.

Kemunculan gerakan kebangkitan di Kuala Berang adalah rentetan daripada kerjasama yang diberikan oleh sultan dan pembesar negeri yang telah diresapi oleh pengaruh British. Hal tersebut meninggalkan kesan yang buruk kepada rakyat yang selama ini bernaung di bawah kekuasaan sultan dan undang-undang Islam. Dengan itu timbullah tanggapan bahawa British sebagai perosak kesejahteraan sultan dan kehidupan rakyat. Walau bagaimanapun gerakan penentangan yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong telah dianggap sebagai penderhakaan kepada sultan. Walaupun sultan menganggap penentangan yang berlaku itu sebagai kekacauan yang telah menyentuh kehormatan baginda serta suatu bentuk penderhakaan rakyat kepada baginda. Namun daripada pandangan rakyat pula tindakan tersebut bukanlah suatu penderhakaan sebaliknya merupakan satu penentangan kepada campur tangan British dalam urusan pentadbiran baginda. Pihak British menganggap kebangkitan yang dicetuskan oleh golongan ulama sangat bahaya sepertimana yang dinyatakan oleh J.L Humphreys:

“...The close parallel to the beginnings of the Kelantan Rising of 1915 has been noted by everyone here. But Haji Drahman’s genuine sanctity and high character make him a more dangerous leader than a rustic brace to To’ Janggut; and the religious feelings of the more zealous Trengganu Muhammadana both in town and country, are more easily roused...”
(Timah Hamzah, 1981: 122).

Sementara itu Bastin & Benda (1972: 125) pula menyatakan bahawa perjuangan masyarakat Melayu di Ulu Terengganu yang radikal itu mungkin dikaitkan dengan semangat patriotisme yang menjadi asas kepada semangat nasionalisme. Atas semangat tersebut orang Melayu telah berjaya disatupadukan tenaga dan moralnya dari berbagai daerah lain di Terengganu dan juga Ulu Kelantan yang turut menyokong kebangkitan tersebut. Walau bagaimanapun gerakan tersebut disifatkan sebagai bercorak kedaerahan. Gerakan kebangkitan yang hampir serupa turut berlaku di Jawa seperti Gerakan *Samin* dan gerakan petani di Banten pada akhir abad ke-19 dan pemberontakan *Saya San* pada tahun 1930 yang diketuai oleh seorang bekas rahib Buddha di Burma.

Pada peringkat awal, golongan ulama di Terengganu dipercayai hanya berperanan sebagai penasihat kepada sultan. Walau bagaimanapun kedatangan pengaruh British di Terengganu telah menyebabkan berlakunya perubahan peranan dalam kepimpinan golongan agama. Golongan agama mula beralih arah dengan menumpukan perhatian memimpin rakyat dalam mempertahankan

nilai-nilai hidup berlandaskan agama Islam. Peranan golongan ulama mendapat sambutan baik daripada masyarakat. Penerimaan rakyat terhadap kemunculan Haji Abdul Rahman Limbong bukan hanya bersandarkan kepada ketokohan dan kealiman beliau semata-mata, tetapi beliau lebih mengerti tekanan hidup yang dialami oleh rakyat dan petani. Tindakan beliau memperjuangkan nasib petani mendapat sokongan masyarakat Melayu. Siri gerakan penentangan yang berlaku di Terengganu pada tahun 1920-an banyak dipengaruhi oleh ketokohan Haji Abdul Rahman Limbong (Bastin & Benda, 1972:125). Walau bagaimanapun keberanian beliau dalam mengetuai gerakan penentangan beransur lemah pada tahun 1928 apabila British mula memerhati secara serius kemampuan beliau memimpin petani di Ulu Terengganu menentang kerajaan. Perhatian daripada kerajaan British juga turut disedari oleh Haji Abdul Rahman Limbong. Hal tersebut menyebabkan beliau beransur-ansur mengundurkan diri dari permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat petani. Peranan memimpin perjuangan rakyat mula diambilalih oleh pemimpin-pemimpin tempatan seperti penghulu-penghulu kerajaan.

Golongan agama tidak lagi berjuang di barisan hadapan. Penyertaan pegawai kerajaan dalam gerakan penentangan jelas membuktikan bahawa kebencian terhadap tindak-tanduk pihak kerajaan bukan sahaja dibenci oleh golongan petani bahkan juga daripada pegawai kerajaan itu sendiri. Haji Abdul Rahman Limbong pula sebaliknya telah berperanan dalam memberikan nasihat kepada ketua-ketua gerakan penentangan. Nasihat yang diberikan oleh beliau telah dijadikan sebagai pembakar semangat kepada masyarakat tempatan untuk menentang pentadbiran British. Beliau juga banyak berperanan dalam siri-siri perbincangan di mahkamah samada mewakili penduduk kampung atau mewakili diri sendiri. Pengaruh beliau cukup kuat di kalangan penduduk apabila rakyat Terengganu sanggup berkumpul dan menunggu beliau dalam setiap perbincangan yang berlangsung. Selain itu, pengaruh beliau juga dapat diperhatikan ketika beliau ditahan di dalam penjara. Menyedari akan pengaruh Haji Abdul Rahman Limbong, British bertindak untuk tidak menahan Haji Abdul Rahman Limbong di penjara sebaliknya telah menempatkan beliau di dalam sebuah rumah berhampiran kawasan Istana Maziah. Hal ini berikutan pihak British kluatir tindakan menahan Haji Abdul Rahman Limbong di penjara akan menyebabkan berlakunya kekecohan dan huru-hara (Talib Samat, 2010: 39).

Talib Samat turut menjelaskan bahawa kebangkitan yang berlaku pada tahun 1928 di Telemong berakhir dengan kematian sebelas orang. Kejadian ini memaksa penduduk yang mara dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu bersurai dan pulang ke rumah masing-masing. Mereka yang terlibat telah ditangkap dan

dibicarakan. Haji Abdul Rahman Limbong turut ditangkap dan dibicarakan dan telah didapati bersalah. Beliau telah dihukum buang negeri ke Mekah. Perbelanjaan ke Mekah dan sara hidup sepanjang berada di Mekah ditanggung oleh kerajaan Terengganu. Haji Abdul Rahman Limbong dipercayai telah meninggal dunia di Mekah pada 6 November 1929. Pentadbiran British di Terengganu berakhir pada 15 Februari 1942 apabila British menyerah kalah kepada tentera Jepun di Singapura. Walau bagaimanapun kekalahan tentera Jepun kepada tentera Berikat telah meletakkan kembali Terengganu di bawah pentadbiran British.

Politik Terengganu Pacsa Perang Dunia Kedua

Menurut Abdullah Zakaria (1991: 91-92), pentadbiran Terengganu selepas kekalahan Jepun kepada Tentera Berikat telah diletakkan di bawah pentadbiran *Senior Civil Affairs Officer* Terengganu yang bernama Leftenan D, Headly. Manakala di peringkat pentadbiran pusat, Kerajaan British berusaha memperkenalkan *Malayan Union* di Tanah Melayu. Cadangan penubuhan *Malayan Union* tersebut telah mencetuskan gelombang baru dalam politik masyarakat Melayu daripada penentangan yang bersifat radikal kepada bercorak diplomasi politik. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah ditubuhkan di Ipoh pada 17 November 1945 yang kemudiannya merebak ke seluruh Tanah Melayu termasuklah Terengganu. PKMM cawangan Terengganu telah ditubuhkan di Kampung Cabang Tiga. Penubuhan PKMM kemudiannya merebak pula ke Kampung Raja di Besut pada akhir tahun 1945 seterusnya di ditubuhkan pula di Jertih pada 1946 dan di Kuala Besut pada tahun 1947.

Penubuhan PKMM di Cabang Tiga dilakukan oleh Awang Bin Ali dan Haji Abdul Latif. Kemudiannya Ibrahim Fikri turut menyertai PKMM setelah dibebaskan daripada tahanan pada April 1946. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua PKMM. Cawangan PKMM di Kampung Raja, Besut pula diketua oleh Wan Ahmad sebagai Yang Dipertua dan Salleh Bin Muhammad sebagai Setiausaha dan Haji Taib Bin Abdullah sebagai Bendahari. Sementara cawangan PKMM di Jertih dimulakan oleh Ibrahim Ismail dan beberapa orang rakannya iaitu A. Rahman bin Muhammad, Mohd Daud Bin Samad dan Mohd Noor Bin Awang. Yusof Bin Embong dan rakan-rakannya pula seperti Mohd Senari Yunos, Wan Hashim Bin Muda dan Mohd Noor bin Ismail pula bertanggungjawab menubuhkan cawangan PKMM di Kuala Besut (Abdullah Zakaria, 1991: 87). Pada tahun 1946 kerajaan British mengambil keputusan untuk memperkenalkan *Malayan Union* di mana Sir Harold MacMichael telah ditugaskan untuk mendapatkan tandatangan persetujuan daripada raja-raja Melayu. Walau bagaimanapun Sir Harold MacMichael menghadapi kesulitan dalam mendapatkan tandatangan

persetujuan daripada Sultan Terengganu iaitu Sultan Ismail Nasiruddin Syah. Hal ini berkait dengan artikel 14 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu yang menghalang Sultan menyerahkan negeri atau membuat perjanjian dengan sebarang kuasa asing. Walau bagaimanapun, baginda dipercayai telah mendapat persetujuan daripada Majlis Mesyuarat Negeri untuk menandatangani perjanjian penubuhan rancangan *Malayan Union* pada 21 Disember 1945. Pengenalan *Malayan Union* mendapat tentangan daripada masyarakat Melayu. Kemuncak kemarahan dan reaksi itu, perarakan besar-besaran ke Istana Maziah pada bulan April 1946 telah diadakan. Bantahan turut diadakan di daerah-daerah lain di seluruh Terengganu. Merasakan sebagai satu ancaman, British telah menubuhkan sebuah jawatankuasa dan membuat syor bagi mengadakan Pilihan raya Persekutuan. Pada 9 Julai 1954, ribuan orang awam dipercayai telah berkumpul di Jalan Paya Bunga untuk memulakan perarakan ke Istana Maziah bagi mempersembahkan bantahan Penyata Pilihan raya Persekutuan kepada Sultan Terengganu. Walaupun bantahan telah dibuat, Inggeris tetap berdiam diri. Persidangan Raja-Raja Melayu yang bersidang dua kali selepas itu juga turut tidak memberikan reaksi. Justeru, Tunku Abdul Rahman telah menghantar bantahan kepada Ibu Pejabat Tanah Jajahan di London.

Pilihanraya Negeri Terengganu 1954

Selepas berhadapan dengan siri bantahan, British akhirnya bersetuju untuk mengadakan Pilihan raya Negeri pertama pada 29 Oktober 1954 iaitu tiga bulan selepas peristiwa bersejarah di Padang Maziah. Dalam pilihan raya tersebut kesemua 15 calon daripada UMNO berjaya menewaskan pesaing masing-masing yang terdiri daripada calon Parti Negara dan BEBAS. Sejak itu semakin banyak cawangan UMNO ditubuhkan di Terengganu. Dalam pilihan raya Persekutuan pertama yang diadakan pada 27 Julai 1955, UMNO meletakkan calonnya di kawasan Terengganu Utara yang meliputi Kuala Nerus hingga ke Besut, kawasan Terengganu Tengah merangkumi Kuala Terengganu hingga Hulu Terengganu manakala kawasan Terengganu Selatan meliputi Dungun hingga Kemaman. Ketiga-tiga calon UMNO mudah mengalahkan lawan daripada Parti Negara dengan majoriti yang besar. Ibrahim Fikri mewakili kawasan Terengganu Utara berjaya menewaskan Mohd Salleh Ahmad daripada Parti Negara dengan undian sebanyak 22041 berbanding 2866 yang diperolehi calon daripada Parti Negara manakala Engku Muhsien pula menumpaskan Sulaiman Ali dengan bandingan undi 19038 dan 4746 sementara Wan Yahya mengalahkan Ibrahim Mat Noh dengan kiraan undi 16345 berpihak kepada calon UMNO berbanding calon Parti Negara mendapat hanya 2628 undian (Sharif Putera, 1996: 38-68). Di tengah-tengah keghairahan UMNO

meraikan kemenangan serta tertubuhnya cawangan UMNO di merata kawasan, PAS mulai turut menyusup dan melebarkan pengaruhnya di Terengganu.

Penubuhan UMNO dan PAS Di Terengganu: Permulaan kepada Persaingan Politik Melayu Moden

Permuafakatan orang-orang Melayu hasil penentangan ke atas Malayan Union mendorong kewujudan UMNO di Terengganu. Beberapa Persatuan Melayu yang bergerak di daerah-daerah antaranya di Kemaman, Dungun dan Kuala Terengganu, dibubarkan selepas perisytiharan penubuhan UMNO di Johor Bharu pada 11 Mei 1946. Walau bagaimanapun tarikh penubuhan UMNO Terengganu serta cawangan yang pertama di negeri tersebut tidak dapat dipastikan dengan tepat. UMNO cawangan Kemaman dikatakan antara yang paling awal berkembang dan maju di Terengganu (Sharif Putera, 1996: 38-68). Hal ini sedikit berbeza apabila kewujudan UMNO tidak begitu berkembang di Kuala Terengganu dan Besut ekoran terdapatnya PKMM di daerah tersebut. Justeru masyarakat Melayu di daerah tersebut dikatakan mempunyai pilihan dan mengambil sikap lebih berhati-hati. UMNO cawangan Seberang Takir hanya ditubuhkan selepas PKMM dibubarkan oleh Inggeris pada 11 Mei 1948. Walau bagaimanapun kegiatan UMNO dalam tempoh awal penubuhannya di Terengganu tidak banyak dicatatkan. Dalam tempoh tersebut kegiatan UMNO lebih tertumpu kepada perjuangan menolak Malayan Union dan memperjuangkan satu dasar baru yang menjamin kedaulatan status kesultanan Melayu dan bangsa Melayu (Sharif Putera, 1996: 38-68).

Sementara itu, PAS pula telah ditubuhkan secara rasmi pada 24 November 1951. Idea asal penubuhannya dicetuskan pada 23 Ogos 1951. PAS merupakan satu-satunya parti politik berlandaskan perjuangan Islam yang ditubuhkan sebelum merdeka selepas pengharaman Hizbul Muslimim (HAMIM) oleh pihak British pada 1948. Di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi PAS menempa kejayaan yang gemilang dengan meletakkan dasar perjuangan mendapatkan kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu. Selain itu beliau turut menggariskan beberapa prinsip perjuangan PAS dengan menjadikan agama rasmi dalam erti kata yang sebenar berlandaskan ajaran al-Quran dan Sunnah, kebangsaan negeri ini mestilah Melayu, rakyat bukan Melayu mesti mengakui bahawa bangsa Melayu adalah penduduk asal di negara ini serta menentang prinsip jus soli (Ismail Said, 1969: 45). Dalam soal pengisian kemerdekaan, PAS begitu menekankan soal menjalankan hukum-hakam Islam dalam pentadbiran negara. Tindakan PAS berjaya menarik sokongan ulama pondok dan juga masyarakat tani. Dalam masa dua tahun selepas

penubuhannya, PAS berjaya mengembangkan sayapnya ke Pantai Timur dengan penubuhan cawangan pertama di Pekan Pasir Mas Kelantan pada 23 Julai 1953 (Baharudin, 1989: 31-37).

Pengaruh PAS di Terengganu mula bertapak pada tahun 1956, setahun selepas Pilihanraya Persekutuan pertama diadakan pada 27 Jun 1955. Cawangan pertama PAS di Terengganu ditubuhkan di Dungun pada 6 Julai 1956. Majlis penubuhannya dilakukan di Madrasah az-Zainiyah, Sura Gate. Seramai 23 orang penggerak utama politik Islam dari seluruh negeri dikatakan telah berkumpul untuk membincangkan penubuhannya. Cawangan PAS kemudiannya diperluaskan lagi di Kuala Terengganu diikuti cawangan Kemaman pada tahun 1957, cawangan Besut dan Kuala Berang pada tahun 1958. Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu (BPPNT) pula ditubuhkan pada tahun 1957. Haji Muhammad Asri merupakan pesuruhjaya BPPNT yang pertama. Perlantikan beliau dilakukan sejak tahun 1956 lagi sebagai Pesuruhjaya merangkumi Kelantan dan Terengganu (Nassir Awang, 2011). Walaupun PAS telah wujud seawal tahun 1951, namun PAS hanya bertapak di negeri Terengganu pada tahun 1956. Kekuatan pengaruh UMNO dikatakan menjadi penghalang kepada tiadanya usaha di kalangan orang Melayu Terengganu untuk menubuhkan cawangan PAS di negeri tersebut (Zulkifli Sulong, 1994: 15-18).

Kesimpulan

Terengganu dalam tempoh sebelum penjajahan sehingga zaman pra-merdeka telah mengalami pelbagai transformasi dalam aspek sosio politiknya. Walaupun pengaruh British berjaya bertapak di negeri tersebut, namun struktur sosio politik masyarakat Melayunya yang tercatat di dalam Undang-Undang *Itqan al-Muluk* masih boleh disifatkan sebagai masyarakat feodal yang berpegang kuat dan setia kepada institusi beraja serta ketuanan Melayu. Kewibawaan Sultan dan peranan ulama dalam pentadbiran negeri menjadikan Terengganu sebagai sebuah negeri Melayu yang berdaulat dan kekal merdeka dalam jangka masa yang panjang. Namun begitu, pertembungan antara sistem politik tradisional dengan sistem politik kolonial menyebabkan berlakunya transformasi terhadap sistem dan institusi politik Melayu. Hal ini dapat dijelaskan bilamana kuasa Sultan dan jawatan-jawatan diraja lainnya turut mengalami perubahan dengan kuasanya dibataskan dalam bidang-bidang tertentu. Peranan Sultan dalam pentadbiran dan pemerintahan diambilalih oleh suatu strata golongan atasan Melayu yang terdiri daripada pegawai-pegawai pemerintahan yang dinamakan sebagai elit pentadbiran yang baru. Sistem politik kolonial turut membawa dimensi baru dengan memasukkan idea demokrasi seperti parlimen, pilihan raya dan parti politik. Penglibatan awal masyarakat Melayu Terengganu dalam pilihan raya serta

pembentukan budaya politiknya banyak didorong oleh elemen Islam dan Melayu. UMNO yang menjadi pendukung perjuangan memartabatkan institusi raja dan ketuanan Melayu mendapat sokongan begitu kuat di Terengganu. Meskipun terdapat beberapa parti lain bertanding dalam PRN tahun 1954 dan PRU tahun 1955 namun kesemuanya gagal mendapat sokongan jitu daripada masyarakat Melayu Terengganu. Walau bagaimanapun, kemunculan PAS pada tahun 1956 di Terengganu mula memperlihatkan wujudnya persaingan ke atas pengaruh UMNO sehingga ke hari ini.

Rujukan

- Abdul Qayyum & Mohd Roslan, 2011. Abdul Rahman Limbong dan Kebangkitan Rakyat di Terengganu 1928: *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara IV: Ulama Pemacu Transformasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Zakaria, 1991. *Perjuangan Orang Melayu Menentang British di Terengganu, 1909- 1957*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Zakaria, 1996. *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu 1942-1945*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Bakar & Basri Ibrahim, 2013. Penentangan Rakyat Terengganu Terhadap Inggeris dan Kerajaan Pada Tahun 1928M Mengikut Perspektif Islam: *Jurnal Islam dan Masyarakat Kotemporari*, Vol. 6, hal. 95-104.
- Abu Bakar Abdullah, 1986. *Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaian*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai.
- Baharudin Ali Masrom, 1989. *Politik Melayu Abad 21*. Kuala Lumpur: 'D' Enterprise.
- Bastin, J & Benda, H.J., 1972. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ismail Said, 1969. *Menegak Agama Membela Bangsa: Perjuangan PAS 1951- 1970*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah.
- Izziah Suryani, 2011. Peranan Sultan Zainal Abidin III dalam Menangani Kemaraan Kekuasaan British di Terengganu Selepas 1909. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara IV: Ulama Pemacu Transformasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jomo, K.S, 1988. *Pembangunan Ekonomi Dan Kelas Sosial Di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazilawati Muhammad Yusoff, 1991. *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nassir Awang, 2011. *Masa Untuk Tok Guru Buktikan: Pas Mampu Pimpin Malaysia*. Selangor: Penerbitan Pemuda.
- Nik Anuar Mahmud, 2011. Tengku Ali, British dan Takhta Terengganu. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jebat*, Vol. 28, hal. 25-42.
- Nik Haslinda Hussain, 2014. Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, 1911 dan Pengekalan Status Melayu Islam Terengganu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Vol.7 (1), hal. 41-43.
- Roff, W.R., 1974. *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sharif Putera, 1996. *Sejarah UMNO Terengganu 1946-1996*. Dlm. *50 Tahun UMNO Terengganu*, hal. 38-68. Kuala Terengganu: Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu.
- Talib Samat, 2010. *Kenali Tokoh Berjasa*. Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Timah Hamzah, 1981. *Pemberontakan Tani 1928 di Trengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Sulong, 1994. *Operasi Tawan Terengganu*. Batu Caves: Penerbitan Pemuda, halaman 15.